



**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Wisma Kewangan**  
**88593 Kota Kinabalu**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-251513/251514/251516**  
**Faks: 088-237605**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my**

**Tel. :** 088-368320/068/038  
**Bil. :** KEW(S) 400-0/2/30  
**Tarikh :** 31 Mac 2022

### **NOTIS PENGUMUMAN (2)**

*Kepada sesiapa yang berkenaan,*

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

### **PELANJUTAN TEMPOH PENANGGUHAN (*GRACE PERIOD*) CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS BESI BURUK BUANGAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dan Notis Pengumuman Kementerian ini dengan ruj. KEW(S) 400-0/2/23 bertarikh 28 Januari 2022 adalah dirujuk.

#### **Status Pelaksanaan CJN**

2. Seperti yang YBhg. Datuk/tuan/puan sedia maklum, pelaksanaan Cukai Jualan Negeri (CJN) ke atas Besi Buruk Buangan yang Dibawa Keluar dari Sabah pada kadar RM 200/MT telah berkuatkuasa pada 1 Februari 2022. Sila maklum bahawa kadar CJN ini masih berkuatkuasa sehingga adanya pemakluman lanjut oleh Kerajaan Negeri kelak.

#### **Pelanjutan Tempoh Penangguhan (Grace Period)**

3. Seterusnya mengambilkira permohonan dan rayuan yang telah diterima daripada Persatuan dan syarikat pengusaha besi buruk berhubung pelaksanaan CJN ini maka Kerajaan Negeri bersetuju bahawa tempoh penangguhan(*grace period*) yang sepatutnya tamat pada 31 Mac 2022 **dilanjutkan lagi sehingga 30 Jun 2022**. Sila maklum bahawa semasa tempoh penangguhan ini, pihak syarikat dibenarkan untuk membuat pembayaran CJN selepas pengeksportan atau pemindahan besi buruk buangan tersebut.

4. Namun perlu dipastikan bahawa pembayaran CJN hendaklah dibayar penuh dalam tempoh 28 hari daripada tempoh yang kena dibayar cukai. Sebagai contoh, pengeksportan yang dibuat pada bulan Mac hendaklah dibayar cukainya sebelum atau pada 28hb April.

.../2

**“SABAH MAJU JAYA”**



(2)

KEW(S) 400-0/2/30

31 Mac 2022

**PELANJUTAN TEMPOH PENANGGUHAN (*GRACE PERIOD*) CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS BESI BURUK BUANGAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

---

**Pendaftaran Lesen CJN**

5. Seterusnya, kepada mana-mana syarikat berkaitan yang masih belum mendaftar dan memohon lesen CJN, peringatan mesra untuk pihak syarikat berkenaan agar segera berdaftar dengan Kementerian Kewangan Negeri.

6. Untuk maklumat lanjut dan panduan ke atas CJN ini, YBhg. Datuk/tuan/puan boleh merujuk laman sesawang Kementerian Kewangan Negeri di <http://mof.sabah.gov.my/>

**Pertanyaan**

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dan merujuk kepada Pejabat Cukai Jualan Negeri, Bahagian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kewangan di talian 088-368071/038/320 atau di Aras 5, Blok A, Menara Kinabalu, Kota Kinabalu.

Sekian dan harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M),FCPA(A), CPFA(UK) )**

Setiausaha Tetap

Selaku Pengarah Cukai Jualan Negeri

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu  
**KOTA KINABALU**

Peguam Besar Negeri Sabah  
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah  
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu  
**KOTA KINABALU**

**“SABAH MAJU JAYA”**

s.k Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan Perindustrian  
Tingkat 5, Wisma Kewangan  
**88593 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR)  
Tingkat 7 & 8, Blok C,  
Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing  
**88300 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Level 10, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**88400 KOTA KINABALU**

Timbalan Pengarah Kastam Operasi Perkastaman Zon Sabah  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah  
Aras 7, Wisma Kastam Sabah, Jalan UMS  
**88400 KOTA KINABALU**  
Faks: 242160

**“SABAH MAJU JAYA”**